

CNS3890

U GB 13-07 00170 BH355

aab

Mahathir - APEC

MALAYSIA TIDAK AKAN HADIRI SIDANG KEMUNCAK APEC

Daripada Zainoor Sulaiman

T

TIRANA, 13 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak cadangan Presiden Bill Clinton supaya Persidangan Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) diadakan di Seattle pada November.

Perdana Menteri berkata, persidangan seumpama itu akan menjadikan APEC secara rasmi sebagai blok perdagangan serantau yang Malaysia cuba elakkan.

"Kita tidak akan menghadiri persidangan itu," kata beliau pada persidangan akhbar pada akhir lawatan rasminya selama tiga hari ke sini, yang pertama oleh seorang pemimpin Malaysia ke negara Balkan itu.

Clinton mengemukakan cadangan itu semasa persidangan kemuncak negara maju (G-7) di Tokyo.

Pemimpin Amerika itu dilaporkan berkata beliau telah berbincang dengan para pemimpin 15 negara anggota APEC untuk menyertainya di Seattle bagi persidangan tidak formal.

Para diplomat Barat berkata tujuan utama persidangan ialah mendapatkan sokongan peringkat tertinggi bagi mewujudkan perdagangan yang liberal, pelaburan dan perkhidmatan di rantau Asia Pasifik. -- Lagi

▼13/07/20-30MST

CNS3897

U GB 13-07. 00129 BH357

aab

Mahathir - APEC 2 Tirana

APEC dianggotai oleh negara-negara Asean, Amerika Syarikat, Jepun, China, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, Kanada, Australia dan New Zealand.

Mengenai sama ada cadangan persidangan kemuncak APEC itu bertujuan menggugat cadangan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) Dr Mahathir berkata, beliau akan mengkaji perkara itu dahulu sebelum membuat ulasan lanjut.

Beliau difahamkan akan membincangkan perkara itu dengan Presiden Suharto apabila mereka bertemu di Langkawi Jumaat ini.

Pagi tadi, Dr Mahathir dianugerahkan Warganegara Kehormat Tirana. Anugerah itu disampaikan oleh Datuk Bandar Sali Kelemendi.

Dr Mahathir ialah pemimpin asing yang kedua menerima anugerah itu sejak kerajaan demokrasi yang baru berkuasa di Albania. Yang pertama menerimanya ialah bekas Setiausaha Negara Amerika James Baker. -- Lagi

▼13/07/20-46MST

CNS3898

U GB 13-07 00111 BH358

aab

Mahathir - APRC-3 (Akhir) Tirana

Kelemendi berkata penganugerahan itu ialah sebagai menghargai kepimpinan Dr Mahathir ke arah kemajuan dan kemakmuran Malaysia dan negara-negara membangun yang lain.

Dr Mahathir menyifatkan anugerah itu sebagai penghormatan peribadi kepada beliau dan negara dan menambah kata kerajaan Malaysia bersedia menawarkan apa-apa bantuan kepada pentadbiran bandaraya Tirana.

Perdana Menteri Albania Aleksander Meksi dan isteri kemudian menghantar Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah dari istana tetamu ke lapangan terbang untuk upacara selamat jalan.

Terdahulu, Presiden Albania, Dr Sali Berisha mengunjungi Dr Mahathir di istana tetamu untuk mengucapkan selamat jalan. -- Bernama

ZS FAZ MAT

♥13/07/20-46MST